

JABATAN KORPORAT

TARIKH:06.12.2023 MASA:04.00pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM GOLF REMAJA DAN
EKSEKUTIF

TARIKH / MASA / TEMPAT
07 DISEMBER 2023 (KHAMIS)
10:00 PAGI

PENANG GOLF RESORT
BERTAM
SEBERANG PERAI UTARA

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Nor bin Sabu

Ketua Pegawai Eksekutif

Bertam Properties Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Haji Abdul Rahman

Mantan Timbalan Menteri 1 Pulau Pinang

Selaku Ahli Kehormat Penang Golf Resort

Yang Berusaha Encik Sahul Hameed Muhamed Sultan

Pengurus Besar

Penang Golf Resort Berhad

Ahli-Ahli Penang Golf Resort

Pegawai-Pegawai Kerajaan, Pengetua Sekolah, wakil dari persatuan-persatuan sukan, pelajar yang dikasihi

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Pelancaran Golf Remaja dan Eksekutif** di Penang Golf Resort, Bertam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Penang Golf Resort di atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan majlis pada pagi ini.
3. Saya difahamkan penganjuran program latihan ini yang diadakan julung-julung kali bertujuan untuk memperkenalkan sukan golf kepada pelajar-pelajar sekolah dan kolej, pegawai-pegawai kerajaan serta eksekutif syarikat dan sektor korporat yang bermastautin di zon utara Semenanjung Malaysia.
4. Program sukan adalah selari dengan Wawasan Penang2030, di bawah tema A iaitu "*Increase liveability to enhance quality of life*" dan

mengikuti inisiatif strategi A4 iaitu "*Diversify recreation, sports, arts and culture facilities*".

5. MBSP amat menggalakkan serta menganjurkan pelbagai aktiviti bersukan pertandingan hoki, bola sepak, bola jaring, golf, berbasikal dan aktiviti-aktiviti sosial dan rekreasi. Selain bersantai, bersukan mengeluarkan peluh dan merupakan satu aktiviti yang menyihatkan badan. Kegiatan sukan dilaksanakan oleh MBSP dalam membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja MBSP dan masyarakat umum. MBSP akan sentiasa komited dalam meningkatkan tahap kesihatan rohani dan jasmani terutamanya kepada warga kerja agar ianya dapat memberi impak yang positif kepada pembangunan sahsiah serta menerapkan nilai gaya hidup yang lebih aktif dan sihat..

6. Acara bersukan sesungguhnya merupakan antara medium yang boleh menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa. Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang kreatif. Badan yang sihat juga akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas. Gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti yang terbaik dalam diri kita,

sakaligus memberikan idea atau sumbangan yang kreatif dan produktif kepada organisasi.

7. Syabas diucapkan kepada Penang Golf Resort dalam usaha memperkenalkan sukan golf kepada pelajar-pelajar sekolah dan kolej, pegawai-pegawai kerajaan dan sektor swasta sebagai satu pilihan sukan, Program ini menggalakkan para peserta untuk mengenali sukan golf, di samping menyemai sifat cintakan alam sekitar. Individu yang sudah berkerja harap dapat mengambil peluang ini untuk menjalinkan rangkaian dalam kalangan pemain golf yang biasanya terdiri daripada orang-orang yang memegang jawatan tinggi dalam bidang kerjaya masing-masing. Sukan golf adalah gabungan antara latihan fizikal dan alam semula jadi. Ia juga adalah sukan yang penuh dengan kesihatan dan kebahagiaan. Sukan golf memberi banyak manfaat kepada tubuh badan seperti mengurangkan kolesterol. Usaha yang murni ini perlu diteruskan demi impak yang positif kepada masyarakat.

8. Akhri kata, saya mengucapkan selamat maju jaya dan setinggi-tinggi ucapan tahniah, ikhlas daripda saya kepada Penang Golf Resort khususnya kepada Yang Berbahagia Dato' Ahmad Nor bin Sabu, serta semua pihak yang terlibat di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan untuk menjayakan majlis pada hari ini.

9. Saya dengan lafaz ***Bismilahirrahmanirrahim*** dan penuh ras besar hati merasmikan **Program Golf Remaja dan Eksekutif Penang Golf Resort.**

Sekian. Terima Kasih

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh***